

ISU KETUHANAN DALAM BICARA FALSAFAH¹

Oleh

Mohd Fakhrudin Abdul Mukti*

Abstract

Naturally, human being will recognise that there is God. It is because all the created things one perceives in his or her life are the actual signs of God's existence. God's existence began to be treated philosophically by the philosophers from the Greek until today. The intellect alone becomes a means in their attempts to know God who is very significant and mysterious. The concept of God was discussed by the modern and the contemporary philosophers on the basis of their intellects and perceptions. Therefore, they mostly tried to establish the truth that based on the practical sciences and materialism. But when Islam came, the source of knowing God was confined to the revelation which defined the absolute reality of God. Thus, the Muslim philosophers seemed to master the discussion on this issue referring to both the Qur'an and intellect trying to establish the fact that Islam is the religion of intellect. The matter is no longer whether there is God or not, or perhaps God's attributes are Himself or superadded to Him as dramatically discussed in so far but now, Islamically, how to understand God correctly - as we can - and to try to contribute to present Islam to the world as it is.

Masalah ketuhanan merupakan masalah utama yang menjadi tajuk perbincangan ahli-ahli fikir sepanjang zaman. Ini justeru tidak ada pandangan muktamad yang

*Pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹Rencana ini sebahagiannya di petik dari buku Dr Ibrahim Madkour, *Fi al-Fikri al-Islami*, Kaherah, Samirko li at-Tabi'ah wa an-Nashr, t.t., 134-142.

boleh memberikan kata putus dan memuaskan hati setiap orang yang berfikir. Idea wujudnya ketuhanan ini adalah sekaligus mempunyai hubungan yang semestinya dengan kewujudan dan kesahihan sesuatu pegangan akidah atau agama. Maka sekiranya agama tidak menyediakan sumber kepada permasalahan ini semestinya manusia akan menjadikan akalunya sebagai hakim dalam menentukan hakikat tuhan mengikut kajian dan pengamatannya sendiri. Kemudian sejarah menyaksikan pertembungan pendapat yang berterusan tentang konsep sebenar ketuhanan di mana setiap pihak mendakwa kebenaran berpihak kepada kumpulannya dalam memahami dan menentukan hakikat tuhan sedang hakikat sebenarnya masih “bukan hakikat” dan manusia terus menerus dilanda kepincangan dan kecelaruan tentang “apakah hakikat tuhan yang sebenar”.

Hakikat ketuhanan dan idea tentang ketuhanan sebenarnya telah jelas dan sempurna. Allah adalah Tuhan semesta alam yang menjadikan segala-gala di antara langit dan bumi, mencipta makhluk yang kecil mahupun besar samada yang nampak di mata kasar atau yang berselindung dari penglihatan dan pengetahuan manusia. Allah Yang Maha Agung dan Maha Besar dan hakikatNya tidak serupa dengan sesuatu dan justeru itu hakikatNya pasti di luar jangkauan ilmu dan pengetahuan manusia dengan fikirannya yang terhad dan terbatas. Tanpa berpandu kepada agama semestinya manusia akan sesat dan meraba-raba dalam mencari satu hakikat yang berada di luar batas-batas kemampuannya.

Ketuhanan ialah rahsia kewujudan (*sirr al-wujud*), lambang keagungan dan kebesaran, objek yang ditakuti dan sumber kepada kebahagiaan, kekuatan, keamanan keselamatan dan pemeliharaan diri. Manusia melihat sang matahari bersinar cerah menghapuskan kegelapan malam, cahayanya memberikan kepanasan mencerahkan persada bumi yang luas terbentang memungkinkan manusia beroperasi dengan aktif melayari bahtera kehidupannya di atas datarannya ke sana ke mari dengan bebas “*Kami menjadikan siang sebagai kehidupan*” (maksud surah an-Naba’ : 11) sementara di kala petang setelah sekian kekuatan cahayanya menyerlah sampai kepada kemuncak menjadikan persada bumi cerah terang benderang sehinggalah beberapa ketika kemudiannya beransur-ansur kurang, siang sudah sampai di ambang hujung, tugasnya sudah selesai pada hari ini disunnahkan Allah sedemikian rupa sementara buat menanti hari besok, dunia kini diambilalih malam yang gelap gulita, langit biru kini sekali lagi memunculkan sang bulan dengan iringan bintang-bintang yang bertaburan di sana sini menghiasi persada langit menjadikan malam cukup indah dan berseri-seri menawarkan cahaya lembut sesuai dengan kesyahduan malam.

Malam di mana mengundang kegiatan dan pergerakan manusia berubah, panggilan tabi'i "*Kami menjadikan malam sebagai pakaian*" (maksud surah an-Naba' : 10) menampilkan menutupi acara pergerakan aktif manusia yang menjuangi hidupnya di waktu siang ketika ruang-ruang bumi disinari cahaya memudahkan manusia untuk melihat dan meninjau dalam mengatur pergerakan dan haluan masing-masing.

Manusia juga melihat hujan turun mencurah-curah membasahi bumi yang kering kontang, menyiram pokok-pokok dan tanam-tanaman yang kecil dan besar, memenuhi sungai dan empangan, menghilangkan kepanasan, kehausan manusia dan binatang, membersihkan debu dan kotoran yang berlekatan, menyegar dan menyuburkan daun-daun yang layu dan kekuningan. Lantas di sana manusia melihat sedemikian curahan air dari langit melimpahi setiap takungan dan terusan, parit dan sungai, bumi kini dilimpahi air yang laju dan deras, nikmat yang dinanti-nanti dan diharap memulih bumi yang gersang tiba-tiba bertukar pula menjadi bala dan ujian membawa penderitaan dan kesedihan. Manusia melihat sinaran kilat bergerak pantas disusuli dentuman guruh yang kuat sambung menyambung suaranya begitu menggoncangkan hati dan menakutkan. Manusia melihat bukit bukau dan gunung ganang yang tersergam kukuh dan gagah memanjang merentasi bumi atau melihat burung-burung berkicau-kicauan sambil hebat berterbangan tinggi di udara sana yang luas ke sana ke mari dengan indah dan teratur sementara bila tunduk ke bumi hijau maka kelihatan haiwan-haiwan kecil dan besar menjamu selera sambil kejar mengejar sesama sendiri.

Manusia yang diberikan akal ini pastinya bertanya dirinya sendiri apakah kesemua yang dilihat itu terjadi dengan sendiri atau di sana ada Kuasa Tertinggi yang menggerakkan kesemuanya itu. Kuasa Tertinggi ini semestinya Luar-Biasa dan di luar tembok kebiasaan dan di luar kemampuan yang dimiliki manusia justeru manusia menampilkan sebagai satu-satunya makhluk unik justeru diberikan akal sedang mereka sendiri masih bertanya-tanya dan masih dicengkami rahsia-rahsia yang tersembunyi yang menyelimuti keajaiban makhluk-makhluk yang berada bersama-sama menumpang bumi bersama ini.

Dengan itu, idea ketuhanan dengan sendirinya terundang di hadapan manusia menggamit mereka supaya berfikir dan bertanya justeru mereka tidak mungkin boleh berdiam diri melihat fenomena sedemikian yang menimbulkan seribu persoalan atau pergi begitu sahaja tanpa memikirkan apa-apa. Agama-agama langit mengembalikan seluruh keunikan dan kehebatan kejadian-kejadian tersebut kepada Kuasa Tertinggi

yang bersih dan suci dari diselimuti sebarang unsur benda atau jisim, masa dan tempat, baharu dan rosak, bertukar-tukar dan berubah-ubah dan dari kekurangan kekotoran dan kehinaan. Itulah Kuasa Mutlak Allah, Tuhan langit dan bumi, Yang Maha Esa, Yang Awwal dan Akhir, Yang Zahir dan Batin. Tuhan Yang Hidup terus menerus, Yang tidak akan mati atau berakhir, Penghukum Yang Maha Adil, Pemurah dan Penyayang, Yang Kaya dan Pemberi manfaat dan mudarat, Yang Memulia dan Menghina sesiapa yang dikehendakiNya. Tuhan yang Menentukan segala-galanya berlaku dengan izin dan kemahuanNya. Dialah Pentadbir dan Pemelihara serta Pengawal. Dialah yang menentukan peranan manusia sebagai khalifah dan menentukan tujuan hidup manusia yang hanya sanya untuk beribadat kepadaNya selaku Pencipta Tuhan semesta alam.

KETUHANAN DAN FALSAFAH YUNAN (GREEK)

Para ahli falsafah dan hukama' sepanjang zaman telah bertungkus lumus menggunakan akal fikiran mereka yang kononnya cukup bijaksana dalam percubaan mereka untuk memahami rahsia-rahsia kewujudan alam dan sekaligus siapakah gerangan penciptanya dan bagaimanakah hubungan di antara alam dan penciptanya itu. Kewujudan itu sendiri terus dibahagikan kepada dua iaitu: Wajib dan Mungkin yang mewakili Pencipta dan selain dariNya, yakni alam. Ahli-ahli falsafah Mesir purba misalnya telah mengkaji soal ketuhanan sebelum mengkaji matematik dan sains. Begitu juga agama-agama Brahmin, Hindu, Buddha dan Confucius membahaskan ketuhanan sebelum isu-isu lain.

Ahli-ahli falsafah Yunan yang memecahkan kesepian dunia dengan teori-teori mereka yang menakutkan turut berhempas pulas cuba menyelami rahsia-rahsia yang menyelimuti alam ketuhanan ini, apakah sebenarnya sesuatu yang wujud berselindung di sebalik alam tabi'i yang cukup signifikan ini. Plato (m. 347 S.M), lantas tampil membuat kesimpulan bahawa tuhan itu tidak lebih dari sebagai "lambang kebaikan atau kecantikan" (*mithal al-kyair/al-jamal*) yang dinamai kemudiannya sebagai "pencipta".

Aristotle (322 S.M.) cuba menjauhkan dari alam ketuhanan yang tinggi ini dan nampaknya tidak berminat untuk campur tangan dalam permasalahan ini. Walaubagaimanapun beliau dengan jelas menerima kewujudan penggerak pertama yang menggerakkan selain darinya sedang dia sendiri tidak bergerak,² Dia akal yang

²Lihat Madkour, *Ibid.*, hlm. 135.

mengenali dirinya sendiri, dia kemuncak kesempurnaan dan kecantikan, dan tidaklah makhluk-makhluk bergerak kecuali didorongi kerinduan dan hasrat untuk menyerupai sifat-sifatnya.³

Sementara golongan mazhab *ar-Ruwaqiyyah* (Stoic) pula menganggap tuhan sebagai "cahaya suci" (*nur muqaddasah*) yang menjadi dasar atau asas kepada alam ini. Ianya juga merupakan satu undang-undang yang semestinya (*qanun dharuri*) dan akal universal (*kulli*) yang menjelma di dalam alam seluruhnya. Mazhab ini mendokong fahaman kesatuan wujud (*wihdah al-wujud*). Yang Pertama atau Yang Esa bagi Plato (270 S.M.) pula ialah *Prinsip Pertama* kepada universal (*mabda' al-kull*) yang darinyalah terbentuk alam seluruhnya.

Idea-idea asas tentang ketuhanan yang diwarisi dari ahli-ahli falsafah Greek, Socrates, Plato dan Aristotle telah menjadi sumber kepada pemikiran falsafah Islam dan barat kemudiannya. Berasaskan persepsi masing-masing, teori-teori berkenaan digabungkan dengan wahyu, maka terbentuklah di sana falsafah ketuhanan menurut Islam dan Kristian. Dengan itu, falsafah kurun pertengahan (*al-'usur al-wusta*) bagi umat Islam dan Kristian ialah falsafah berasaskan agama yang bertujuan menggabungkan di antara akal dan wahyu (*an-naql*).

KETUHANAN DAN FALSAFAH MODEN

Descarte (m. 1650M), seorang tokoh yang dikenali sebagai bapa falsafah moden dan pemimpin para pejuang akal kurun ke 17 menegaskan bahawa sesiapa yang diberikan Allah akal hendaklah menggunakannya untuk mengenali Allah dan mengenali dirinya sendiri. Mengenali Allah merupakan tiang keyakinan dan meneguhkan pelbagai hakikat. Tuhan ialah kewujudan yang benar lagi tidak berakhir (*al-Mawjud al-Haq al-Lamutanahi*). Pemikiran tentang ketuhanan merupakan pemikiran yang paling mulia dan paling nyata lagi jelas yang tercetus di dalam minda merupakan dalil yang putus tentang kewujudan hakikat luaran (*haqiqah kharijiyyah*) yang sekaligus berfungsi sebagai sumber kepadanya. Kita tidaklah semestinya mengkaji Allah dengan instrumen alam yang mengelilingi kita, tetapi cukup memadai kita memejamkan mata dan membatalkan indera, kemudian terus kita mencari-cari dalam minda kita fikiran-fikiran yang jelas dan terang. Semestinya idea tentang ketuhanan akan menampilkan terlebih dahulu. Tokoh ini memperlihatkan tuhan dapat diterima akal dengan mudah tanpa perlu mengkaji secara mendalam.

³*Ibid.*

Spinoza (m. 1677M) telah mengemukakan satu gagasan yang berasaskan pendalilan (*al-istidlal*) dan dalil bukti (*burhan*), kemuncaknya ialah cahaya keimanan dan ledakan pengetahuan (*al-'irfan*). Mengikut Spinoza Allah ialah satu *jawhar* (*substance*) yang tidak berakhir, bersifat *azali*, tetap dan tidak berubah-ubah bahkan ianya adalah *jawhar* tunggal dan hakikat mutlak. Dia *jawhar* yang wujud dan berdiri dengan sendiri, tidak ada sesuatu yang boleh wujud tanpaNya. Alam seluruhnya adalah *al-a'radh* kepadaNya. Dialah yang berilmu dengan ilmu yang bersifat *azali* dan *abadi*, ilmu dan *Iradat*Nya tidak berlainan dan tidak juga bercerai dan berpisah.

Sementara falsafah Leibnitz (m. 1716M) boleh dikatakan menghalala secara keseluruhannya kepada idea ketuhanan. Atom kerohian (*az-zarrah ar-ruhiyyah*) yang diperkatakannya dikira sebagai asas kepada alam. Ternyata kewujudan, pemeliharaan dan keselarasannya adalah bergantung kepada kewujudan Pencipta yang Bijaksana yang mencipta dan yang memeliharanya. Kesemuanya diperjalankan mengikut satu sistem yang kemas lagi jitu. Ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa dia akur dengan konsep pemeliharaan dan keselarasan *azali* yang kedua-duanya kembali kepada Allah sahaja. Penyempurnan alam dan keselarasan sistemnya dengan keistimewaan yang dimiliki merupakan tanda kebesaran Allah dan kebijaksanaanNya. Dialah yang Maha Mengetahui, Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Berkehendak.

Berkeley (m. 1753M) mengembalikan semua hakikat kepada akal. Beliau mengecam kebendaan justeru dianggapnya sebagai faktor di sebalik penuluran idea bebas melakukan apa sahaja (*ibahiyyah*) dan penyelewengan dari prinsip-prinsip keagamaan dan akhlak. Beliau mendokong alam roh-roh (*alam al-arwah*) justeru alam ini sahaja yang menawarkan hakikat-hakikat yang dapat kita tanggapinya secara langsung tanpa sebarang perantaraan. Segala fenomena alam kejadian (*al-kawn*) ini adalah kembali kepada Allah, maka Dia adalah penyebab kepada semua perkara (*'illah al-'ilal*) dan sumber kepada pelbagai peristiwa yang wujud dan berlaku (baharu).

Kant (m. 1804M), seorang tokoh falsafah Jerman, mengemukakan mazhab yang berasaskan kritikan mendedahkan percanggahan pandangan di kalangan ahli-ahli falsafah terdahulu. Beliau menolak semua pandangan mereka dan seterusnya mengkritik cara-cara pendalilan dalam membuktikan kewujudan Allah. Beliau seterusnya mengkritik kedua-dua teori "akal bersifat teori" dan "akal bersifat praktikal". Kant juga mengkritik "masalah epistemologi" dan "masalah perlakuan" dengan percubaan baru membina satu gagasan yang kononnya lebih selamat dan

lebih teguh. Beliau menegaskan bahawa kewajipan berakhlak (*akhlak al-wajib*) ditegaskan di atas tiga prinsip-prinsip penting: kemahuan bebas, kekekalan roh dan kewujudan Allah. Tanpa kebebasan tidak ada sebarang makna bagi melaksanakan kewajipan dan agama. Kita menunaikan kewajipan bermaksud kita menyebarkan kebahagiaan dan kebaikan unggul (*al-kyair al-asma*). Kehidupan dunia sendiri pun tidak mampu dicapai dengan penuh kesempurnaan maka cukup wajar bahawa di sana ada kehidupan akhirat. Keadilan akhirnya menuntut penyebaran kebahagiaan dan pelaksanaan tanggungjawab yang dilakukan mereka. Ini jelas memerlukan satu kekuatan raksaksa yang mampu memelihara dan menyebarkan kebaikan dan kebahagiaan secara saksama di kalangan manusia. Kant nampaknya tidak ada jalan memperkatakan hakikat-hakikat keagamaan melalui “akal secara teori” lantas dia pun menonjolkannya melalui “akal amali” (*al-'aql al-amali*). Ini dapat dilihat melalui kenyataannya, “aku terpaksa mengenyepikan ilmu supaya dapat memelihara kewujudan akidah”.⁴ Ini bermaksud bahawa ilmu dan akidah merupakan dua perkara yang berbeda dan bercanggah.

KETUHANAN DAN FALSAFAH SEMASA

Aliran falsafah semasa begitu menampakkan penonjolan gelombang keraguan dan tidak percayakan tuhan (*al-ilhad/atheism*). Ini berikutan gelombang perkembangan pengaruh kebendaan dan pengkajian akademik yang kononnya mampu mendedahkan banyak rahsia-rahsia yang terpendam sebelum ini disusuli dengan penciptaan pelbagai alat teknologi yang canggih dan mengagumkan. Ini seolah-olah menggambarkan bahawa minda yang telah berjaya menghasilkan sesuatu yang cukup mengagumkan itu amat layak diterima menjadi hakim kepada segala perkara.

Dalam separuh pertama kurun yang lalu, August Comte (m. 1857M) telah mengasaskan falsafah positif (*al-falsafah al-wad'iyyah*) yang sekaligus menolak sebarang tafsiran metafizika berasaskan teologi terhadap fenomena alam ini (*az-zawahir al-kawniyyah*) sementara menyeru kepada pengamatan (*al-mulahazah*) dan eksperimen (*at-tajribah*). Tafsiran yang disifatkan sebagai berbentuk akademik (*'ilmi*) dimajukan terhadap fenomena alam ini dan tafsiran ini sekaligus dikategorikan sebagai menggayuti tahap tertinggi dalam sektor pemikiran manusia. Tafsiran ini terus dicanangi sebagai penuh dengan “kelojikan” sementara “metafizika” dalam apa bentuk sekalipun adalah karut dan khayalan akal. Mazhab

⁴*Ibid.*

ini sekaligus menafikan “kekekalan roh” (*khulud ar-ruh*) dengan pendakwaan bahawa kepercayaan itu tidak langsung memiliki apa-apa asas analisis dan akademik. Pada pandangannya bahawa falsafah seharusnya turut berlandaskan sains yang bersifat praktikal.

Para pendokong mazhab “kewujudan” (*al-wujudiyyah/existentialism*) kemudiannya terus mengkhususkan pengkajian falsafah kepada “manusia” sahaja. Ini justeru bagi mereka bahawa manusialah yang mencipta dirinya sendiri dan manusia perlu memenuhi semua kehendak-kehendak yang sesuai dengan kemahuan dan seleranya. Tidak ada sebarang kewujudan kecuali manusia, manusia sebagai makhluk istimewa yang bebas dan sentiasa rindu dan memenuhi kewujudannya.

Manusia bergerak dan bertindak adalah demi kepentingan setiap diri manusia itu sendiri. Ini mungkin dapat difahami jika manusia mematuhi peraturan tertentu (undang-undang) bukanlah kerana kewajipan mematuhi tetapi kerana kalau melanggarinya boleh menyusahkan dirinya dan sekaligus mengganggu kebebasan dan kemahuannya.⁵

Rangkaian kefahaman tulin kebendaan kemudiannya dapat dilihat daripada golongan Marxist yang mendokong falsafah kebendaan berasaskan sejarah (*maddiyyah tarikhiiyyah*). Falsafah ini menonjolkan satu kefahaman bahawa fakta-fakta ekonomi adalah merupakan asas-asas mutlak kepada seluruh pemikiran, kefahaman, perlakuan dan tingkahlaku manusia dalam sepanjang zaman. Ekonomi sahaja yang menentu, mengarah dan membentuk pergerakan manusia, tidak ada sebarang faktor lain samada fikiran tertentu atau rintihan kerohanian (*spirituality*). Justeru itu nilai-nilai agama dan akhlak adalah nilai-nilai kosong yang terpinggir dari landasan pengkajian dan perhatian mereka. Ketuhanan sebagai satu hakikat langsung tidak menjadi topik perbincangan mereka dan aliran falsafah semasa ini cuma mengemukakan pengkajian yang hanya berkisar di sekitar soal-soal epistemologi.

Tetapi walaubagaimanapun isu-isu ketuhanan yang dibincang dalam sepanjang sejarah tetap mengundang perhatian mereka cuma ianya diletakkan di bawah telunjuk

⁵Penulis masih teringat satu peristiwa berlaku di Kaherah Mesir (sekitar tahun 1983) seorang anak telah membunuh kedua-dua ibubapanya kerana ingin membebaskan mereka berdua dari menanggung penderitaan dan kesedihan terhadap kegagalannya dalam pengajian. Dalam satu wawancara, pembunuh tersebut mengakui mendokong fahaman *mazhab wujudiyyah* yang dipelajarinya di sekolah. Dia mengatakan apa salahnya dia yang bertindak untuk menyelamatkan kedua-dua ibubapanya yang diruntun sedih dan kecewa itu.

sains dan realiti. Hegel (m. 1831M) yang idea kebendaan dialektikanya diambil kalangan Marxist tetap menampilkan sebagai sebuah idea falsafah yang berhasrat untuk mempertahankan agama Kristian dan sekaligus bertujuan membentuk satu gagasan falsafah keagamaan. Hegel nampaknya menolak teori fenomenologi tetapi menawarkan satu gagasan baru yang bernama “mutlak” lalu memberi tafsiran tentangnya itu dengan seluas-luasnya.

William James (m. 1910M) pengasas mazhab Pragmatism mendokong kefahaman bahawa faedah-faedahlah yang menentukan kesahihan sesuatu idea atau pemikiran. Sejauhmanakah kebenaran itu dapat ditentukan adalah bergantung kepada sejauhmana kemanfaatan dapat diambil dan dihasilkan dari kebenaran itu. Beliau mengkaji pengalaman agama-agama dengan begitu teliti dan berakhir dengan satu analisis bahawa akidah agama yang dianuti adalah berlandaskan asas-asas psikologi. Justeru itu, mengikut pandangannya bahawa seseorang yang terhibau dalam amalan kerohanian tetap mempunyai hubungan dengan pihak yang berkedudukan tinggi dan mulia. Pihak ini wujud dan mempunyai kekuatan yang cukup agong dan cukup sempurna. Kepercayaan ini pastinya memberikan pengamalNya satu bentuk perasaan gembira dan menikmati kebahagiaan tanpa had yang berterusan.

Bergson (m. 1941M) yang cuba menghubungkan kehidupan manusia yang bercirikan kebendaan dan masa dengan roh berpendapat bahawa Allah tidak berhajat kepada dalil kewujudanNya. Ini justeru kita sememangnya merasaiNya dan pasti dariNya adalah memanjangnya kehidupan yang kita nikmati. Penghidupan kita ini ialah “satu kepercayaan terhadap Allah dan tidaklah dapat berkenalan denganNya kecuali melalui satu perasaan yang benar-benar menjiwai penghidupan”.

KETUHANAN DAN FALSAFAH ISLAM

Falsafah Islam secara umumnya membincangkan tiga topik utama iaitu: Allah, Alam dan Manusia. Sepastinya pergerakan idealisme falsafah Islam telah pun dipimpin atau terkawal dari awal lagi justeru gambaran konsep ketuhanan yang bersumberkan wahyu yakni al-Qur'an dan Hadith sudah bertapak di dalam minda ahli-ahli falsafah Islam seluruhnya. Konsep yang mereka perkenalkan tidaklah bertolak dari kekosongan atau dari sebarang khayalan atau dari mana-mana warisan falsafah bahkan ianya bukanlah cetusan idea mereka sendiri secara mutlak. Samada mereka berjaya atau gagal pada akhirnya bukanlah persoalan di sini. Meskipun falsafah ini berasal dari Yunan tetapi segala idea-idea dari Yunan itu diambil dan

diubahsuaikan supaya secukup dengan kehendak Islam mengikut kefahaman dan fikiran mereka bahawa Islam adalah agama akal dan kedua-duanya saling gantung bergantung. Dua hakikat yang tidak akan bercanggah bak kata Ibn Rushd (m. 1198M) apakah hakikat boleh bercanggah dengan hakikat? Meskipun masyarakat Arab pada masa itu masih mewarisi idea gambaran ketuhanan yang bersifat benda atau berjisim sebagaimana yang dapat dilihat melalui manifestasi wujudnya berhalahala di kalangan mereka tetapi konsep ini tidak langsung mencuit tanggapan ahli-ahli falsafah Islam kerana keberhalaan ini benar-benar lambang ketidaktamadunan dan kedangkalan akal yang jelas. Ini disebabkan ketegasan al-Qur'an sudah cukup memadai bahawa Allah ialah Tuhan semesta alam, Tuhan Yang Maha Esa dan tiada ada di sana sebarang tuhan yang disembah kecuali Allah. Di dalam al-Qur'an Allah berfirman yang bermaksud: "*sekiranya terdapat di kedua-dua tempat (langit dan bumi) tuhan-tuhan selain dari Allah tentunya kedua-duanya rosak binasa*". Jadi umat Islam begitu mudah menerima keesaan Allah dan tidak meraguiNya sama sekali.

Isu ketuhanan kemudiannya menjadi topik perbincangan di kalangan para *mutakallimun* dan ahli-ahli falsafah mengikut kepandaian masing-masing. Para *mutakallimun* mendakwa menggunakan rasionalisme mereka berasaskan Islam sementara ahli-ahli falsafah Islam pula membahaskannya dengan bersandarkan kepada idea-idea falsafah Yunan berasaskan ianya tidak mencanggahi Islam. Kaum Mu'tazilah menonjol sebagai juara perdebatan tentang isu ketuhanan ini berasaskan konsep pembersihan (*at-tanzih*) dan ketawhidan. Hakikat Allah wajib dikenali maka tentulah pengetahuan ini tidak dapat dicapai kecuali melalui perbahasan akan sifat-sifat Allah yang disebut dengan jelas di dalam al-Qur'an. Pendekatan kaum Mu'tazilah dalam membicarakan isu ini merupakan pendekatan falsafah yakni penggunaan rasional yang keterlaluan, cuma mungkin berbeda dengan ahli-ahli falsafah Islam ialah idea-idea falsafah Yunan tidak dihujahkan oleh mereka seperti yang dilakukan ahli-ahli falsafah Islam.

Isu ketuhanan kemudiannya mengundang reaksi Abul Hassan al-Ash'ari (260 - 324H), seorang tokoh yang lahir dari kaum Mu'tazilah sendiri dan menjadi tokoh kumpulan ini sehingga berumur 40 tahun. Mungkin ini membuatkan beliau begitu memahami selok-belok falsafah Mu'tazilah. Al-Ash'ari membahaskan isu ketuhanan melalui doktrinnya tentang sifat-sifat Allah tetapi tidak lebih dari memberi sanggahan terhadap isu-isu yang ditimbulkan Mu'tazilah seperti soal sifat-sifat Allah samada ZatNya sendiri (*mahiyah az-zat*) atau tambahan kepada zatNya itu (*az-zat az-za'idah*). Al-Ash'ari mendakwa melakukan penggabungan (*at-taufiq*) di antara

aliran salaf yang berpegang dengan nas yang dipelopori Ibn Hanbal (m. 855M) dan aliran Mu'tazilah sendiri.

Dengan lain perkataan, penggabungan di antara wahyu dan akal di mana keduanya saling hajat berhajat dalam menentukan sesuatu kebenaran. Keperibadian al-Ash'ari dan penggabungan dua sumber ini menjadikan idea-idea beliau dipahati kekuatan yang mampu mengundang sokongan sebilangan besar ulama' selepasnya sehingga mampu menawarkan satu rangkaian ulama' al-Ash'ari atau al-Asya'irah (Ash'arites). Isu ketuhanan tetap menonjol sebagai isu utama dan sekaligus menjawab segala isu-isu yang ditimbulkan Mu'tazilah. Perbincangan para ulama' al-Ash'ari atau al-Asya'irah ini (tentang ketuhanan) adalah lebih tepat dianggap sebagai perbincangan ilmu kalam yakni bukan falsafah. Dan segala perbincangan ketuhanan dalam ilmu kalam kemudiannya dilanjutkan terus tanpa ada apa-apa hubungan dengan ilmu falsafah. Mungkin sedikit sebanyak pengaruh "kewajipan bertaqlid" menguasai sebahagian besar ulama' dan ini membuatkan polimik mereka lebih terkawal.

Walaupun demikian, ahli-ahli falsafah Islam turut peka kepada perkembangan ini dan isu ketuhanan turut menjadi perbincangan hebat mereka. Mereka lebih melihat isu ini sebagai isu pemikiran sejagat dan sumber Yunani dipergunakan dengan sepenuhnya. Di sini kita boleh melihat perbincangan seorang tokoh yang mewakili pandangan tokoh-tokoh falsafah Islam tentang isu ketuhanan ini.

IBN SINA DAN ISU KETUHANAN

Ibn Sina (m. 420H) seorang tokoh terkenal falsafah Islam abad ke empat Hijrah tampil membahaskan isu ketuhanan dengan tanggapan bahawa perbahasan isu ini merupakan semulia-mulia perbahasan ilmiah justeru ianya ilmu tentang Allah, sumber segala ilmu dan kejadian, dariNya lah diperolehi keyakinan dan kekuatan. Bahkan ilmu ini dianggap sebagai "falsafah pertama" kerana ianya mengkaji seawal-awal wujud dan kewujudan pertama atau yang pertama-tama wujud. Ilmu ini juga turut diperkenalkan sebagai ilmu hikmah kerana ianya ilmu terbaik yang memberikan maklumat-maklumat paling tepat dan sekaligus mampu memberikan satu keyakinan bersifat mutlak yang terpancar dari Allah sendiri. Ilmu falsafah ini juga dinamakan sebagai "ilmu ketuhanan" dan ilmu di sebalik sains (*at-tabi'ah*) (*ma wara at-tabi'ah*) (metafizika). Sains atau *at-tabi'ah* ialah satu himpunan perkara-perkara bersifat

baharu yang terdiri dari benda-benda yang berjisim yang mempunyai sifat-sifat tertentu.⁶

Ibn Sina memulakan perbahasannya tentang ketuhanan dengan membahaskan isu kewujudan (*al-wujud*) terlebih dahulu kerana baginya kewujudan tuhan itu perlu dibuktikan terlebih dahulu sebelum membincangkan isu-isu lain yang berkaitan dengan soal ketuhanan. Perkara-perkara yang wujud (*al-mawjudat*) dibahagikan kepada dua: 1. *Wajib al-wujud* (kewujudan yang wajib) dan 2. *Mumkin al-wujud* (kewujudan yang harus). Mengikut Dr. Salim Marsyan, Ibn Sina dalam hal ini hanya menokok tambah pandangan al-Farabi (m. 950M), *al-mua'allim at-thani*, yang juga diiktiraf sebagai gurunya (Ibn Sina). Penjelasan yang lebih diberikan Ibn Sina ialah bahawa wajib wujud dengan Zatnya itu (*wajib al-wujud bi zatihi*) ialah sesuatu yang wujud yang mustahil kita andaikan ianya tidak wujud, maka dengan itu dia sepastinya wujud. Sementara kewujudan yang harus (*mumkin al-wujud*) pula ialah sesuatu yang boleh atau tidak mustahil jika diandaikan ianya tidak wujud, apabila ianya wujud maka kewujudannya itu sepastinya bergantung secara wajib dengan pihak lain.⁷ Maksudnya dia (perkara baharu) yang telah wujud itu "wajib" bergantung kepada pihak lain, yakni Allah, ianya tidak boleh terjadi dengan sendirinya.

"Kewujudan yang wajib (*al-wajib al-wujud*) ialah kewujudan yang semestinya (*ad-daruri al-wujud*), kewujudan yang harus (*al-mumkin al-wujud*) ialah kewujudan yang tidak semestinya berlaku atau tidak berlaku, kewujudan yang wajib pula kadang-kadang wajib bagi zatnya dan kadang-kadang tidak dengan zatnya. Adapun kewujudan yang wajib dengan zatnya ialah dalam ertikata dia itu wujud bagi zatnya sendiri sahaja bukan selain dari zatnya. Ini bermaksud untuk mengelak dari kemungkinan mengandaikan ianya mungkin tidak wujud. Adapun kewujudan yang wajib bukan bagi zatnya (*wajib al-wujud la bi zatihi*) ialah sesuatu yang benar-benar wujud tetapi bukan dari hasil intipati dirinya sendiri. Ini bagaikan jumlah empat, yang wujud itu bukanlah dengan dirinya (empat) tetapi ianya hasil dari jumlah dua campur dua (2 + 2). Kebakaran yang berlaku bukanlah berlaku dengan zatnya sendiri tetapi hasil dari sentuhan api dengan bahan-bahan yang boleh terbakar".⁸

⁶Lihat Ibn Sina, *as-Syifa'*, tahq. Anawati, taqd. Ibrahim Madkour, Kaherah: al-Matba'ah al-Amiriyah, Juz. 1, 1960, hlm. 15.

⁷Salim Marsyan, *al-Janib al-Ilahi 'Inda Ibn Sina*, Beirut: Dar al-Qutaybah, 1992, hlm. 57.

⁸Ibn Sina, *an-Najat*, Bhg. 3., hlm. 224-225.

Maka makhluk yang wujud ini (manusia dan alam misalnya) adalah dijadikan Allah sedang ianya sentiasa berada dalam keadaan “akan wujud atau tidak” dan kewujudannya sepastinya bergantung kepada sebab musabbab yang akan memindahkannya dari alam keharusan atau teori (*bil quwwah*) kepada alam amali atau yang benar-benar berlaku (*bil fi’li*).⁹ Di sini dapat difahami bahawa Tuhan adalah bersifat dengan kewujudan yang wajib dengan zatNya sendiri yang mustahil bergantung dengan sebarang faktor luar, sementara makhlukNya adalah bersifat dengan kewujudan yang wajib bergantung kepada pihak lain dari dirinya, maksudnya mereka tidak boleh menjadikan diri mereka sendiri. Kewujudan sesuatu yang mungkin dan ketidakwujudannya adalah berada pada status yang sama yang tidak memerlukan apa-apa kemestian atau commitment untuk diwujudkan.

Ibn Sina kemudiannya membina teorinya dalam membuktikan kewujudan Allah berasaskan pembahagian wujud kepada dua, wajib dan mungkin, seperti yang tersebut. Kewujudan Allah ialah kewujudan yang wajib dengan zatNya sendiri di mana ini tidak mengundang sebarang kemungkinan perlunya peranan pihak luar sepertimana yang dikehendaki makhluk pada kewujudannya. *Makhluk* (kejadian) perlu kepada al-Khaliq (Pencipta).

Tetapi yang agak menarik dalam konteks ini ialah Ibn Sina cuba menolak pandangan popular para *mutakallimun* bahawa kewujudan alam yang bersifat baharu ini adalah tanda kewujudan Allah berdasarkan kaedah terkenal mereka: (alam ini baharu, setiap yang baharu tentu baginya pencipta, maka alam tentu ada penciptanya yakni Allah). Sedang kaedah ini sudah dianggap sebagai kaedah ilmu *mantiq* yang berasaskan akal juga.¹⁰ Bagi Ibn Sina akal sahaja sudah cukup mampu sebagai wasilah, melalui pengkajiannya, untuk membuktikan kewujudan Allah dan bukanlah melalui kewujudan alam atau makhluk yang disaksikan ini seperti yang *diistidlalkan* para *mutakallimun*.¹¹

Ibn Sina seterusnya menegaskan, “perhatikan betapa keterangan kami untuk membuktikan yang pertama (*al-awwal*), keesaan dan kesuciannya dari sebarang tanggapan tidaklah berhajat kepada selain dari kewujudan diriNya sendiri, juga

⁹Kamal al-Yazji, *Nusus Falsafiyah Muyassirah*, Beirut: Dar al-Malayin, 1968, hlm. 144.

¹⁰Ilmu Mantiq ditakrifkan sebagai “*satu alat (ilmu) yang menyediakan undang-undang dan kaedah-kaedah yang memelihara akal dari melakukan kesilapan atau kesalahan ketika berfikir*”.

¹¹Salim Marsyan, *op.cit.*, hlm. 76.

kepada menghujahi kejadian dan perbuatanNya - meskipun ianya dalil ke atasNya tetapi pendekatan ini jauh lebih meyakinkan dan lebih mulia, ertinya apabila kita mengira keadaan wujud maka dengannya diperlihatkan wujud dari segi dia yang berkewujudan dan kemudiannya terus menyaksikan sekalian yang wujud selari dengan firman Allah : “Kami akan memperlihatkan kepada mereka ayat-ayat Kami di seluruh pelusuk dan pada diri mereka sendiri sehinggalah ternyata kepada mereka bahawa Dialah yang benar” (maksud dari surah Fussilat : 52), saya katakan bahawa ini satu keperluan kepada *kaum tertentu*, firman Allah lagi, “adakah tidak cukup dengan Tuhanmu sesungguhnya Dia ke atas setiap sesuatu bersaksi” (maksud surah Fussilat : 52). Saya katakan ini adalah pendirian para *siddiqin* yang mempersaksikan denganNya (kewujudan Allah) bukan ke atasNya”.¹²

Ibn Sina memaksudkan *kaum tertentu* ialah para *mutakallimun* dan *hukama'* saintis (*hukama' tabi'iyun*) sementara “*as-siddiqin*” (orang-orang yang benar) pula ialah layak disandang ahli-ahli falsafah justeru mereka mendokong kebenaran dalam sepanjang masa dan memperdalilkan *al-Wajib* sendiri dan bukan ke atasNya.¹³ Di sini jelas Ibn Sina mempertikaikan pendekatan golongan lain dalam membuktikan kewujudan Allah dengan meletakkan taraf ahli-ahli falsafah sebagai “*as-siddiqin*” justeru mereka menghujahi “*illah*” untuk “*ma'lul*” yang pastinya lebih meyakinkan. Mereka bermula dengan “*al-kull*” untuk mengenali “*al-juz*”, *al-khaliq* untuk mengenali *maqhlug...*” “Tidak wajar menggunakan makhluk-makhluk sebagai dalil wujudnya pencipta mereka”.¹⁴ Ini seolah-olah menggambarkan wujudnya keraguan terlebih dahulu sedang pada pandangan Ibn Sina dan ahli-ahli falsafah bahawa akal itu sendiri sudah terpahat dengan idea kewujudan tuhan. Ibn 'Ata' al-Iskandarani (m. 1690M), seorang tokoh sufi terkenal, pernah menolak pendalilan para *mutakallimun* dengan kata-katanya yang indah, “bilakah tuhan itu terlindung sehingga perlu dibuktikan kewujudanNya, bilakah Dia hilang sehingga perlu dibuktikan kehadiranNya”. Tokoh ini seterusnya bersoal apakah layak makhluk-

¹²Ibn Sina, *al-Isyarat wa at-Tanbihat*, tahq. Sulayman Dunya, Bhg. 3., hlm. 79-80.

¹³Salim Marsyan, *op.cit.*, hlm. 77.

¹⁴Lihat De Boer, *Tarikh al-Falsafah fi al-Islam*, terj. Abu Raydah, Kaherah: Lajnah at-Ta'lif wa an-Nashr, 1938, hlm. 171-172.

makhlukNya yang hina ini dijadikan dalil kepada kewujudan al-Khaliq Yang Mulia dan Sempurna segala-galaNya.¹⁵

KESIMPULAN

Isu ketuhanan merupakan isu yang dibincangkan ahli-ahli fikir melalui mazhab-mazhab pemikiran masing-masing. Persoalan ketuhanan tentunya lahir bersama kewujudan manusia itu sendiri yang diberikan akal oleh Allah. Sepastinya idea ketuhanan atau “penguasa tertinggi” (*super nature*) sudah wujud dalam minda setiap orang tanpa mengira latarbelakang agama atau tamadun masing-masing. Mereka sepastinya cuba memahami hakikat ketuhanan melalui persepsi masing-masing yang berorientasikan fahaman kebendaan dan tidak bertamadun. Tuhan dilakarkan dalam pelbagai bentuk dan keadaan yang luar biasa yang dapat digambarkan sebagai objek yang tinggi, mulia dan ideal. Tidak ada satu pun kata-kata muktamad yang mampu menggariskan dengan jelas hakikat sebenar tuhan walaupun kesan-kesanNya tetap dirasa, dilihat dan dihadapi manusia dalam apa keadaan dan di mana tempat sekalipun. Kesan-kesan yang membingungkan dan mengundang persoalan-persoalan yang tidak terjawab.

Kedangkalan manusia dalam membina kefahaman tentang ketuhanan terbukti dengan mempertuhankan objek tertentu atau wakil kepadanya lalu diambil sebagai tempat yang disembah, dirayu dan diminta pertolongan dan bantuan. Sekonyong-konyong kedatangan Socrates konsep tuhan cuba diformulakan secara aqli dengan semutlaknya meskipun berhadapan dengan gelombang ancaman masyarakat setempat yang sudah lama mewarisi kepercayaan wujudnya jamaah tuhan-tuhan. Percubaan pertama telah pun dibuat dan sekurang-kurangnya menjadi ancaman pertama yang luar biasa mencabar persepsi dangkal kebendaan yang sekian menjadi dominan dalam masyarakat Yunani tersebut. Subjek ketuhanan kemudiannya terus menarik perhatian dan konsepsi tuhan telah cuba dibebaskan dari sebarang unsur benda dan berbilang-bilang dan ini berlandaskan kelojikan akal semata-mata bukan panduan dari mana gagasan ilahi. Tetapi para failasuf ini mempertuhankan akal dan memperakalkan tuhan di mana tuhan ditaqdiskan dengan sepenuhnya, tuhan selamat dan bersih dari unsur-unsur benda dan jisim tetapi dalam masa yang sama tampak

¹⁵Lihat Abdul Halim Mahmud, *Islam dan Akal*, terj. Mohd Fakhruddin, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 152-153.

hakikat tawhid sebenar gagal dihadirkan dalam kancah penemuan minda mereka yang kononnya mengkagumkan itu.¹⁶

Lantas zaman demi zaman memperlihatkan kehadiran segerombolan para failasuf di timur dan barat moden dan semasa, Islam dan bukan yang terus menerus mencuba dan mencuba melapah intipati alam ketuhanan ini. Senjata yang sama yang telah gagal digunakan selama ini cuba dipergunakan sekali lagi meskipun berselindung di sebalik tema-tema akademik, moden dan kemajuan. Namun bukan cabang-cabang yang berkembang atau menular dari asas-asas yang kokoh dan jitu tetapi asas-asas itu sendiri ternyata goyah dan gagal dikenalpasti dan dipertahankan dengan lebih lama. Justeru itu kumpulan mereka juga yang sama-sama seiring dan senada dalam satu konsep perjuangan menawarkan dua pertembungan yang tidak akan bertemu, spiritualisme dan materialisme yang saling nafi menafi *emma* itu dan *emma* ini. Maka jadilah kebenaran (*truth*) itu ditentukan sesuka hati mereka (*ittakhaza ilahahu hawah*) seolah-olah ianya hak mutlak generasi diolah dan ditentukan mengikut kepentingan dan perasaan, jauh lagi bersikap mutlak dan universal seperti yang dianjurkan Islam yang maha suci. Setiap doktrin sentiasa digoncang oleh kepentingan kebendaan dan teknologi, kecelaruan mereka yang tak kunjung padam di antara alat dan matlamat, di antara "*the ends*" dan "*the means*".

Kedatangan Islam dengan jelas dan nyata membawa satu konsep yang tegas tentang ketuhanan di tengah suasana manusia mencari-cari hakikat sebenar ketuhanan. Mereka bagaikan meraba-raba dalam kegelapan yang dengan itu mengundang perbalahan yang berterusan zaman demi zaman tokoh demi tokoh. Islam mengemukakan konsep tuhan dengan begitu "*simple*" yang mudah difahami oleh siapa sahaja selaras dengan tawaran rahmat untuk keselamatan di dunia dan di akhirat. Tanda-tanda kebesarannya terserlah di mana-mana ruang dan sektor bermula dari dalam sektor diri setiap individu mahupun di luar diri dalam persekitaran yang melengkunginya sehinggalah ke sektor alam mayapada dengan hamparan bumi yang luas terbentang diawani langit biru yang tersergam indah bergantung tanpa tiang, setiap ruang dan sudut (*al-a'faq*) membisikkan kebesaran dan kebijaksanaan Yang Maha Esa.

Ulama' Islam menanggapi isu ketuhanan pada dasarnya adalah justeru menyambut cabaran-cabaran yang teranjur ke dalam komuniti khusus mereka. Para *mutakallimun* dengan asahan akal mereka yang tajam mengambil apa sahaja

¹⁶*Ibid.*

pendekatan guna menangkis serangan musuh dan tohmahan mereka. Islam agama akal cuba dieksploitasikan dengan sepenuhnya sehingga menggegarkan warisan tradisi “akal perlu ditundukkan di bawah telunjuk syara’.” Pertembungan berlaku justeru kefalsafahan ketuhanan perlu diletakkan batas-batas *maqbul*, ketuhanan yang esa yang murni yang bernaskan al-Qur’an dan Sunnah yang mudah difahami semua peringkat manusia perlu diselamatkan. Dari Mu’tazilah timbullah al-Ash’ari yang berjaya menampilkan satu pendekatan yang cemerlang yang sederhana justeru menggabungkan akal dan syara’. Usaha pertama yang berjaya menggamit sokongan tokoh-tokoh ternama kemudiannya sehingga menampilkan di sana rangkaian ulama’ yang dikenali sebagai al-Asya’rah (Ash’arites) yang terus menerus memperjuangkan idea-idea al-Ash’ari khususnya ketika berhadapan dengan pengaruh Mu’tazilah di zamannya.

Mustahil tokoh-tokoh besar Islam yang bermula dari al-Maturidi (m. 333H), al-Baqillani (m. 404H), al-Ghazali (m. 505H), al-Razi (m. 606H) dan seumpama mereka bangun menjuari perjuangan al-Ash’ari kalau tidak justeru ianya mempunyai kekuatan penghujahan dan kedinamikan idea dan keempuhan gagasan. Cukup lumrah kalau diperhatikan polimik yang agak luar biasa di kalangan tokoh-tokoh Islam terdahulu, kecam mengecam sehingga kafir mengkafir sekalipun bukanlah perkara asing bahkan ianya turut menggoncang tradisi keilmuan Islam. Tidak mungkin diperkatakan 80% dunia Islam menganuti fahaman “sunni bermazhab” tidak bertolak dari satu landasan perjuangan ulama’ terdahulu yang memperjuangkan satu gagasan ilmu yang mempunyai kekuatan yang cukup ampuh dari segi akademik atau ilmiyyah sekalipun. Justeru itu isu-isu pro-kontra tentang sesuatu konsep sudah pun dibahaskan dan dijawab berbaris-baris di dalam bukan sedikit rangkaian khazanah *turath* tradisi dan klasik cuma menawarkan mana satu yang perlu dipilih dan dijadikan pegangan dan ditentukan pendirian.

Falsafah Islam menyediakan satu rangkaian tokoh-tokoh yang ramai memperlihatkan isu ketuhanan sebagai isu pemikiran hakiki. Ibn Sina mungkin boleh menampilkan sebagai contoh ideal yang membahaskan ketuhanan sebagai seorang tokoh falsafah Islam. Beliau memiliki banyak persamaan dengan idea-idea al-Farabi yang sukar dipisahkan dari idea-idea Yunani sebelum itu. Begitulah seterusnya isu ketuhanan terus mengundang perbincangan-perbincangan yang nampaknya lebih terpinpin justeru semacam dicengkami budaya pengkaguman sumbangan dan kehebatan personaliti dan ilmu tokoh-tokoh terdahulu yang sukar ditandingi kini. Cabaran-cabaran dan pergerakan hidup mutakhir yang lebih praktikal dalam kancan

keilmuan Islam semacam tidak mengizinkan kita “berinovasi” dalam hal-hal agama sedang sektor perjuangan Islam sudah bersimpang-siur dan beranika warna. Hukum hakam sudah pun jelas ditetapkan dan terus diwarisi dari zaman ke zaman dengan sokongan dan dokongan tokoh-tokoh ilmu yang muktabar. Maka wajarlah tenaga yang ada dilabur sepenuhnya ke dalam sektor hakiki penghidupan demi menegakkan Islam sebagai satu sistem hidup yang menyeluruh yang menawarkan kedamaian dan kebaikan serantau dan global amnya.